



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)

**PANDUAN SOLAT JEMAAH, SOLAT JUMAAT, SOLAT JENAZAH
SERTA AKTIVITI KEAGAMAAN
DI MASJID DAN SURAU DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah cadangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang berlandaskan nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak serta pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negeri Perak, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Membolehkan Solat Jumaat diadakan di semua masjid dan surau, termasuk surau-surau dalam bangunan pejabat, institusi, universiti, mакtab, sekolah, syarikat dan kilang untuk memberikan ruang kepada lebih ramai orang dapat menuaikan Solat Jumaat.
2. Had maksimum 40 orang jemaah dalam sesebuah masjid atau surau bagi solat Jumaat, solat fardu dan solat jenazah (tidak termasuk ahli jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau).
3. Jemaah yang dibenarkan terbatas kepada warganegara Malaysia lelaki dalam lingkungan usia 16 tahun hingga 70 tahun.
4. Aktiviti agama berunsur ilmu dibenarkan diadakan di masjid dan surau dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti hendaklah dihentikan sebaik masuk waktu Solat Isyak.
5. Tidak dibenarkan sebarang acara jamuan dalam masjid dan surau termasuk di perkarangan masjid dan surau.
6. Memperketat syarat-syarat jarak fizikal antara jemaah dengan memperkenalkan keperluan-keperluan baharu terutama mekanisme aliran jemaah masuk dan keluar masjid dan surau.

7. Jabatan Agama Islam Perak bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan lengkap kepada semua ahli jawatankuasa serta pegawai masjid dan surau, di samping bertanggungjawab memantau pematuhan garis panduan.


Ketetapan ini terpakai dan berkuat kuasa 28 Januari 2021 sehingga dikeluarkan apa-apa ketetapan baharu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sedia memahami hasrat umat Islam mahu mengimarahkan rumah-rumah ALLAH dan beribadah secara berjemaah. Dalam pada itu Baginda amat bimbang akan ancaman terhadap keselamatan ummah akibat penularan wabak COVID-19. Baginda juga amat bersympati dengan para petugas Kementerian Kesihatan Malaysia yang sedang berada di barisan hadapan menangani wabak COVID-19 yang menular pada skala begitu besar. Baginda berpendirian amatlah penting untuk seluruh rakyat sama-sama membantu meringankan beban berat yang sedang digalas oleh para petugas Kementerian Kesihatan Malaysia ketika ini. Antara cara untuk meringankan beban tugas mereka boleh dibuktikan melalui amalan jarak fizikal, meminimumkan bilangan kehadiran dalam sesuatu acara, tidak menganjurkan atau menghindarkan acara-acara berbentuk perhimpunan.

Baginda menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia yang sedang menggalas beban tugas yang begitu berat. Baginda turut menzahirkan penghargaan kepada anggota Polis Diraja Malaysia, berserta RELA dan pelbagai agensi lain yang saling bekerjasama untuk memastikan Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi. Baginda menyeru rakyat menunjukkan penghargaan kepada para petugas barisan hadapan dengan mematuhi sepenuhnya Perintah Kawalan Pergerakan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan menzahirkan titah nasihat agar semua masjid dan surau menganjurkan solat sunat hajat setiap hari, memohon ihsan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wataála agar bencana kesihatan yang sedang melanda dunia ketika ini berjaya dibendung dan kehidupan insan dapat kembali normal.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan
~~Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan~~



Dato' Seri ~~Mohd. Annuar bin Zaini~~
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

14 Jamadilakhir 1442H / 27 Januari 2021.